



Tabung Khairat dan Kebajikan

Surau Al-Falah, Presint 9, Putrajaya

No. JAWI/5/042/7/2022

PENGENALAN

Jawatankuasa Surau Al-Falah, Presint 9, Putrajaya mengambil tanggung jawab dalam menguruskan kebajikan ahli kariah Fasa 3 & 4 atas dasar permuafakatan dan jariah dengan menubuhkan Tabung Khairat dan Kebajikan Surau Al-Falah, Presint 9, Putrajaya. Tabung ini diuruskan oleh Lajnah Khairat dan Kebajikan, Surau Al-Falah. Tabung ini bukanlah takaful maka jumlah tuntutan adalah terhad kepada jumlah kutipan daripada ahli.

Perkara yang disenaraikan merupakan peraturan dan syarat sebagai panduan ahli. Peraturan dan syarat ini berkuatkuasa pada **1 Januari 2024** dan sah sehingga **31 Disember 2025**.

PERATURAN DAN SYARAT

1 NAMA

Nama tabung ini ialah Tabung Khairat dan Kebajikan Surau Al-Falah Presint 9, Putrajaya dan selepas ini disebut **Tabung Khairat**.

2 TAFSIRAN

2.1 Lajnah Khairat Dan Kebajikan, Surau Al-Falah Presint 9, Putrajaya berperanan menguruskan Tabung Khairat.

- 2.2 Jawatankuasa Surau Al-Falah berperanan sebagai Jawatankuasa Induk dalam membuat sebarang keputusan mengenai Tabung Khairat (selepas ini disebut Jawatankuasa Surau).
- 2.3 Peserta yang berdaftar disebut sebagai Ahli.
- 2.4 Tanggungan yang didaftarkan oleh Ahli disebut sebagai Tanggungan Ahli.

3 ALAMAT

Alamat **Tabung Khairat** adalah:

Lajnah Khairat Dan Kebajikan Surau Al-Falah
Surau Al-Falah
Jalan P9G, Presint 9
62250 Putrajaya

4 OBJEKTIF

Tabung Khairat diwujudkan bertujuan untuk membantu dan menampung keperluan kewangan Ahli dalam pengurusan jenazah. Selain itu, dana tersebut juga boleh digunakan sebagai sumbangan jariah untuk aktiviti kebajikan Surau Al-Falah.

5 KEAHLIAN

5.1 Keahlian terbuka kepada:

5.1.1 Penduduk yang tinggal di Jalan P9G, Presint 9, Putrajaya.

5.1.2 Bekas Ahli Kariah Surau Al-Falah yang masih menetap Putrajaya.

5.2 Tanggungan ahli adalah terdiri daripada:

5.2.1 Suami atau Isteri

5.2.2 Anak Kandung / Anak Tiri / Anak Angkat dibawah umur 23 tahun dan masih belum bekerja (tiada had umur bagi anak OKU yang tinggal bersama)

- 5.3 Had keahlian adalah satu keahlian bagi satu rumah kecuali Anak Kandung / Anak Tiri / Anak Angkat yang tinggal bersama dan berumur 23 tahun ke atas boleh mendaftar keahlian secara berasingan.
- 5.4 Keahlian juga dibuka kepada waris atau ahli keluarga yang tinggal bersama dalam satu rumah (contohnya: adik beradik, ibu atau bapa saudara, waris terdekat dan lain-lain) kecuali ibu bapa atau ibu bapa mertua.
- 5.5 Kaedah permohonan keahlian adalah secara dalam talian melalui portal e-khairat melalui pautan <https://www.e-khairat.com/alfalah/>
- 5.6 Setiap Ahli **bertanggungjawab** untuk **mengemaskini** maklumat keahlian dan maklumat tanggungan dalam portal e-khairat.
- 5.7 Tempoh keahlian adalah **minimum 1 tahun** dan **maksimum 2 tahun**.
- 5.8 Tempoh pendaftaran keahlian baharu adalah bermula pada **1 Januari** hingga **28 Februari** setiap tahun.
- 5.9 Status keahlian semasa akan luput secara automatik **selepas 31 Disember** setiap tahun dan status ahli dikategorikan sebagai tidak aktif.
- 5.10 Tempoh pembaharuan keahlian adalah bermula pada **1 Januari** hingga **28 Februari** setiap tahun. Sekiranya berlaku kematian dalam tempoh pembaharuan ini, ahli masih layak mendapat manfaat sebagai ahli. Sekiranya ahli tidak memperbaharui keahlian **selepas 28 Februari** secara automatik keahlian sebagai ahli khairat **adalah luput** dan tidak layak mendapat manfaat sebagai ahli.
- 5.11 Penduduk yang baharu berpindah masuk diberi kelebihan mendaftar sebagai ahli **dalam tempoh 60 hari** dari tarikh pindah masuk dengan mengemukakan bukti tawaran mendiami kuarters.
- 5.12 Jawatankuasa Surau berhak untuk menerima atau menolak sesuatu permohonan untuk menjadi Ahli atas alasan yang munasabah.

5.13 Ahli yang bertindak dengan apa-apa cara sehingga boleh mendatangkan nama buruk atau kerugian kepada Surau dan Tabung Khairat, boleh digugurkan daripada menjadi Ahli oleh Jawatankuasa Surau. Walaubagaimanapun Ahli yang tidak berpuas hati boleh mengemukakan rayuan secara bertulis kepada Jawatankuasa Surau dalam tempoh 14 hari.

6 KADAR SUMBANGAN AHLI

6.1 Kadar sumbangan tahunan keahlian dan pembaharuan keahlian adalah sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja)** bagi tempoh satu tahun.

6.2 Kaedah pembayaran sumbangan keahlian:

6.2.1 Sumbangan secara *Online Banking* melalui portal e-khairat di pautan <https://www.e-khairat.com/alfalah>

6.2.2 Setiap ahli boleh membuat semakan keahlian dan status pembayaran di dalam portal e-Khairat.

7 MANFAAT TABUNG

7.1 Maksimum manfaat atau tuntutan yang boleh dibuat oleh ahli dalam tempoh setahun adalah sebanyak **RM2,200 (Ringgit Malaysia Dua Ribu Dua Ratus Sahaja)**. Butiran manfaat adalah seperti berikut:

Bil.	Perkara	Jumlah Manfaat
1.	Kematian Ahli atau Tanggungan Ahli dan diuruskan di Surau Al Falah serta dikebumikan di Presint 20 * Terhadap kepada maksimum dua kematian sahaja setahun	Pengurusan Jenazah Percuma
2.	Kematian Ahli atau Tanggungan Ahli dan diuruskan di luar kawasan * Terhadap kepada maksimum dua kematian sahaja setahun	RM1,100

Bil.	Perkara	Jumlah Manfaat
3.	Kematian Ibu bapa atau Ibu bapa mertua dan diuruskan di Surau Al Falah serta dikebumikan di Presint 20 * Terhadap kepada maksimum satu kematian sahaja setahun * Sekiranya dikebumikan selain dari Presint 20 kos van jenazah dan lain-lain atas tanggungan sendiri	Pengurusan Jenazah Percuma
4.	Kematian Ibu bapa atau ibu bapa mertua (Elaun balik kampung untuk urusan pengebumian ibu bapa) * Tuntutan terhadap kepada satu kematian sahaja setahun	RM250

7.2 Pecahan Manfaat

Bil.	Kos Pengurusan Jenazah (pengurusan tempatan)	Harga
1.	Kain Kapan	RM150
2.	Upah Ketua dan Pembantu Urus Jenazah	RM250
3.	Kos Surau	RM100
4.	Imam Solat Jenazah (atau seikhlas hati)	RM50
5.	Pembaca Talkin (atau seikhlas hati)	RM100
6.	Kos Tanah Perkuburan Presint 20	RM350
7.	Van Jenazah ke Tanah Perkuburan Presint 20	RM50
8.	Saguhati Untuk Pemandu Van Jenazah	RM50
	Jumlah Keseluruhan	RM1,100

7.3 Kadar manfaat akan disemak pada setiap akhir tahun kewangan dan tertakluk kepada perubahan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa Surau.

8 SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

- 8.1 Tuntutan hendaklah dibuat dalam tempoh **90 hari** dari tarikh kematian.
- 8.2 Penuntut hendaklah mengemukakan dokumen yang dinyatakan dalam prosedur tuntutan.
- 8.3 Jika berlaku kematian kepada Ahli, tuntutan akan dibayar kepada waris terdekat.
- 8.4 Jika berlaku kematian kepada Tanggungan, tuntutan akan dibayar kepada Ahli.
- 8.5 Bagi kes tuntutan manfaat yang agak rumit, sebarang tuntutan adalah tertakluk kepada budi bicara Lajnah Khairat dan Kebajikan serta Jawatankuasa Surau.

9 PROSEDUR TUNTUTAN

- 9.1 Peserta hendaklah melengkapkan Borang Tuntutan Tabung Khairat Surau Al-Falah dan menyertakan dokumen sokongan berikut:
 - 9.1.1 Sijil Kematian
 - 9.1.2 Salinan Kad Pengenalan penuntut
 - 9.1.3 Salinan Penyata Akaun Bank penuntut (muka hadapan yang menyatakan nombor akaun dan nama bank)
 - 9.1.4 Salinan bil elektrik atau bil air yang terkini
 - 9.1.5 Pengesahan Ketua Blok/ Ketua Penduduk/ Pengerusi Surau Kariah di ruangan pengesahan Borang Tuntutan Tabung Khairat
- 9.2 Borang perlu diserahkan kepada Lajnah Khairat dan Kebajikan Surau Al-Falah.
- 9.3 Tuntutan akan dibayar terus ke dalam akaun penuntut yang dikemukakan.
- 9.4 Sebarang tuntutan adalah berpandukan sijil kematian bagi menentukan jumlah manfaat yang akan diterima.

10 KEWANGAN

- 10.1 Dana yang terkumpul akan disimpan di dalam akaun Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) Cawangan Putrajaya atas nama akaun Surau Al-Falah Presint 9 Putrajaya.
- 10.2 Pengeluaran:
 - 10.2.1 Tiga (3) penama dilantik sebagai pemegang akaun ialah Pengerusi, Bendahari dan Setiausaha Surau Al-Falah.
 - 10.2.2 Semua pengeluaran wang tunai / cek perlu ditandatangani oleh dua (2) orang daripada (3) penama-penama berikut.
 - 10.2.3 Semua pengeluaran hanya boleh dibuat bagi tujuan pembayaran manfaat kepada ahli sepertimana perkara 7.
 - 10.2.4 Pengeluaran selain daripada tujuan bagi perkara 7, perlulah mendapat persetujuan di dalam mesyuarat AJK Surau Al-Falah.

11 PENTADBIRAN

- 11.1 Badan yang menguruskan perjalanan tabung ini ialah Lajnah Khairat Dan Kebajikan Surau Al-Falah.
- 11.2 Jawatankuasa Surau mempunyai kuasa untuk menyemak semula kadar sumbangan tahunan bila dirasakan perlu dan akan diputuskan dalam Mesyuarat AJK.
- 11.3 Lajnah Khairat Dan Kebajikan boleh memberikan tafsiran terhadap Syarat Dan Peraturan ini dan membuat keputusan tentang perkara-perkara yang tidak terkandung di dalamnya.
- 11.4 Jawatankuasa Surau berkuasa meminda atau membatalkan mana-mana Syarat Dan Peraturan yang mana pada pandangannya tidak sesuai, merugikan atau mengenenpikan kebajikan ahli.

12 PEMBUBARAN

- 12.1 Tabung Khairat ini hanya boleh dibubarkan oleh Jawatankuasa Surau sahaja melalui Mesyuarat Khas. Semua ahli berdaftar hendaklah dimaklumkan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Mesyuarat Khas tersebut diadakan.
- 12.2 Keputusan untuk membubarkan Tabung Khairat dikira sah sekiranya lebih separuh daripada Ahli yang hadir bersetuju untuk membubarkan Tabung Khairat. Jawatankuasa Surau boleh mengambil tindakan dan langkah-langkah selanjutnya untuk melaksanakan pembubaran tersebut.
- 12.3 Ahli-ahli tidak boleh menuntut semula apa-apa bayaran yang telah dibayar dan keseluruhan wang Tabung Khairat akan diserahkan kepada Jawatankuasa Surau Al-Falah.

13 LAIN-LAIN PERKARA

- 13.1 Lajnah Khairat Dan Kebajikan, Jawatankuasa Surau dan Ahli Tabung Khairat akan diberikan satu salinan Peraturan dan Syarat Tabung Khairat untuk rujukan.
- 13.2 Mana-mana dokumen yang berkaitan dengan Tabung Khairat boleh diperiksa oleh mana-mana atau seseorang yang mempunyai kepentingan dalam Tabung dengan syarat memaklumkan kepada Pengerusi atau Setiausaha Tujuh (7) hari lebih awal.
- 13.3 Ahli yang berhenti menjadi ahli Tabung Khairat tidak boleh menuntut apa-apa bayaran yang telah disumbangkan. Sebahagian dana terkumpul yang tidak dituntut boleh digunakan untuk tujuan Kebajikan Surau Al Falah.

- 13.4 Kadar penggunaan Tabung Khairat untuk tujuan aktiviti Surau tersebut boleh ditentukan oleh Jawatankuasa Surau dalam mesyuarat pada kadar 5% hingga 15% sahaja sekiranya benar-benar perlu.
- 13.5 Ahli Jawatankuasa Surau yang lain juga dipertanggungjawabkan untuk membantu Lajnah Khairat Dan Kebajikan dalam menjalankan tugas-tugas mereka.

PENUTUP


Semoga apa yang anda lakukan Allah menerimanya sebagai ibadah dan diangkat darjat anda sebagai seorang hamba yang soleh. Aamiin.



Disediakan oleh:

Lajnah Khairat dan Kebajikan Surau Al-Falah
Surau Al Falah Presint 9, Putrajaya

Disahkan oleh:



Ustaz Nasrin Bin Ismam
Pengerusi
Surau Al Falah Presint 9, Putrajaya Sesi 2024/2025
28 Disember 2023